

12.1.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

PENGIKTIRAFAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) UNTUK INISIATIF “HIJAU” DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL PBAHB

- **Pengiktirafan “3 Bintang” daripada *United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB)*.**
- **Kriteria: “Projek Kitar Semula Air Sisa Sifar”, “Sasaran Penjimatan Air Domestik Pulau Pinang 250 Liter per Kapita Sehari (250 LKH) dan “Rangka kerja Pembiayaan Berkaitan Kelestarian.**

PULAU PINANG, Isnin, 12.1.2026: Sebuah organisasi berkaitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menganugerahkan “penyenaraian 3 Bintang” kepada PBA Holdings Bhd (PBAHB), syarikat pegangan tersenarai awam bagi PBAPP, sebagai pengiktirafan terhadap inisiatif yang mesra alam dan bertanggungjawab sosial PBAHB.

UNGCMYB ialah singkatan bagi *United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei*, iaitu cawangan Malaysia dan Brunei bagi inisiatif kelestarian korporat antarabangsa terbesar di dunia.

Pada 12.11.2025, UNGCYMB memaklumkan kepada PBAHB bahawa PBAHB telah disenaraikan dalam Senarai Pilihan ESG (alam sekitar, sosial, tadbir urus) sulungnya untuk “pengiktirafan 3 bintang”. PBAHB ialah syarikat utiliti air pertama yang dipilih untuk Senarai Pilihan ESG.

Kriteria bagi Penyenaraian 3 Bintang

Petikan penyenaraian tersebut menggariskan status 3 Bintang PBAHB berdasarkan kriteria berikut:

1. **Inovasi Terobosan ESG: “Projek Kitar Semula Air Sisa Sifar”**
 - Kitar semula/pemprosesan semula secara berterusan kira-kira 25.4 juta liter sehari (JLH) air supernatant di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, LRA terbesar di Pulau Pinang.
 - Penukaran sisa LRA kepada bata simen.
 - Pengurangan kos sebanyak 74% dalam pengurusan sisa LRA.
 - Penjimatan/pengalihan sebanyak 91,000 tan setahun daripada tapak pelupusan sampah.
2. **Penetapan Sasaran Panduan ESG: “Sasaran Penggunaan Domestik 250 LKH”**
 - Mempromosikan sasaran 250 liter per kapita sehari (LKH) bagi Pulau Pinang

pada tahun 2025, dengan tujuan mengurangkan penggunaan air domestik per kapita di negeri ini.

- Menyasarkan penjimatan air domestik keseluruhan sebanyak 19.8 JLH melalui kesedaran dan penglibatan awam.

3. Perintis ESG: “Rangka Kerja Pembiayaan Berkaitan Kelestarian”

- Program Nota Jangka Sederhana Islamik bernilai RM5 bilion dengan penarafan mampan “AAA/Stable”.
- Program “sukuk” yang pertama seumpamanya dilancarkan oleh syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (GLC).

Impak dan Manfaat

Melalui pelaksanaan Projek Kitar Semula Air Sisa Sifar, PBAPP secara berterusan menuai semula air yang kebiasaannya akan dilupuskan selepas proses rawatan air konvensional. Hasilnya, PBAPP kini berupaya memanfaatkan tambahan sebanyak 25.4 JLH air kitar semula di Sungai Dua bagi menghasilkan lebih banyak air terawat untuk dibekalkan kepada para pengguna air di Pulau Pinang.

“Sasaran Penggunaan Air Domestik 250 Liter per Kapita Sehari (250 LKH) telah dipromosikan pada tahun 2025 bagi mengurangkan secara berperingkat penggunaan air domestik per kapita di Pulau Pinang. Pada tahun 2024, statistik penggunaan air domestik Pulau Pinang sebanyak 261 LKH telah direkodkan sebagai yang tertinggi di Malaysia.

Rangka Kerja Pembiayaan Berkaitan Kelestarian membolehkan PBAPP memperoleh sehingga RM5 bilion pembiayaan Islamik, secara berperingkat dan pada kadar pembayaran keuntungan yang kompetitif, bagi melaksanakan projek-projek yang akan terus meningkatkan kecekapan serta kebolehpercayaan perkhidmatan bekalan air pada masa hadapan.

Sebagai operator bekalan air berlesen, PBAHB dan PBAPP sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat Pulau Pinang. Kami berbesar hati kerana usaha yang dilaksanakan sepanjang tahun 2025 telah diberi pengiktirafan oleh pihak ketiga bebas yang berwibawa seperti Persatuan Air Malaysia (MWA), RAM Ratings Berhad dan The Edge Media Group, serta kini turut diiktiraf oleh UNGCMYB.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my



“Zero Waste Water Recycling Project” at the Sungai Dua Water Treatment Plant. © PBAPP 2026